

Pengurusan Covid-19: Harapan Rakyat

Durasi: 1:12:30

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (0:01 – 0:39)

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera diucapkan kepada penonton Facebook Demi Maliau. Pada malam ini kita bersama dengan dua orang panel iaitu Ustaz Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali dan Toqqi bagi membicarakan topik-topik semasa berkenaan dengan isu masyarakat. Hari ini kita masih memilih cerita tentang bagaimana masyarakat kita boleh berhadapan dan mengawal wabak yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Sebagai pembuka bicara, saya ucapkan selamat datang kepada Ustaz Engku dan Toqqi. Assalamualaikum.

Ahli panel = (0:39 – 0:43)

Waalaikumussalam w.b.t.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (0:48 – 1:22)

Baik, jadi kita akan mulakan dengan Ustaz. Sekadar ingin bertanya, selepas angka kes ini semakin meningkat, dan wabak ini seperti tiada tanda-tanda bila akan berakhir, apa yang lebih membimbangkan kedengaran kes-kes orang menamatkan riwayatnya ini sudah berlaku dalam kalangan masyarakat kita. Sebagai Muslim, kita melihat itu boleh berlaku jika tiada iman dalam diri. Apa pandangan Ustaz tentang perkara ini dan permasalahan yang sangat serius ini?

Ustaz Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali (ahli panel) = (1:24 – 13:13)

Baik, bismillahirrahmanirrahim (bacaan doa). Alhamdulillah, terima kasih kepada tuan moderator atas pertanyaan yang diajukan dan juga kepada rakan ahli panel yang tidak perlu diperkenalkan lagi, Toqqi kita. Tajuk besar pada malam ini adalah Pengurusan Covid-19. Jadi, soal ada segelintir ahli masyarakat termasuk umat Islam yang begitu tertekan, saya percaya ini adalah golongan yang sangat minoriti sehingga ke tahap mereka membunuh diri, tetapi tentulah kita tak akan membiarkan perkara itu menjadi lebih teruk, baru kita hendak mencari solusi. Jadi, jika boleh kita ambil *a few steps back*, kita undur sedikit ke belakang untuk melihat bahawa yang pertama, realiti dan hakikat pengurusan Covid-19 ini merupakan satu pengurusan krisis yang

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

tidak pernah ada contohnya untuk kita sebelum ini. Jadi, oleh kerana krisis ini begitu sifatnya, maka kita perlu mengakui secara jujur bahawa dalam menangani termasuklah isu bunuh diri dan sebagainya. Isu bunuh diri sudah pernah ada sebelum ini tetapi apabila dikaitkan dengan tekanan yang melampau dalam suasana Covid-19 ini, itu satu perkara yang baharu, maka mahu tidak mahu kita perlu mengakui bahawa kita tidak boleh ada orang yang benar-benar mengaku bahawa dia adalah pakar dalam mengurus krisis sebegini. Jika ada sekalipun, mungkin sebahagian daripada mereka itu lebih berpengetahuan, lebih berpengalaman, lebih berkepakaran dalam bidang-bidang tertentu yang ada kaitan dengan Covid-19. Sebagai contoh, kita ada pakar-pakar kesihatan, pakar-pakar perubatan, sudah tentu ada kaitan dengan Covid-19. Kita ada pakar undang-undang yang juga ada kaitan dengan pengurusan Covid-19. Kita juga ada pakar keselamatan dan sebagainya yang mana masing-masing ada kaitan dengan Covid-19. Tetapi, oleh kerana kita tiada pakar yang khusus, kita terpaksa *try and error*. Kita terpaksa mencuba dan menyedari kesilapan tetapi perkara yang penting adalah kita sanggup untuk mengatakan kita perlu perbetulkan semula cara pengurusan kita. Jadi, pertama kita hendak lihat objektif utama dahulu. Mungkin kita katakan bahawa tragedi bunuh diri ini hanyalah symptom kepada masalah yang lebih besar. Ini yang menjadi objektif utama kita dalam pengurusan krisis Covid-19 ini iaitu yang pertama tentulah untuk menyekat perebakan jangkitan Covid-19. Suatu masa dahulu, kita dipopularkan dengan istilah untuk memutuskan rantai. Sekiranya kita belum sampai ke tahap itu, sebab kita tahu apa-apa wabak ini biasanya akan ada satu tempoh masa mungkin setahun, mungkin 2 tahun, mungkin 3 tahun sebelum betul-betul boleh dikawal, sekurang-kurangnya kita boleh merawat supaya jangkitan yang membawa kepada kematian itu dapat dikurangkan atau dapat dihentikan. Dahulu semasa awal-awal Covid-19 ini, saya ingat ada satu kartun yang menunjukkan orang di tepi pantai dan terdapat ombak yang kecil dan diikuti oleh ombak yang lebih besar. Ombak yang kecil itu ialah isu kesihatan disebabkan oleh Covid-19 secara terus dan ombak yang lebih besar iaitu *the second wave* itu ialah isu ekonomi. Jadi, sesiapa pun yang diberikan amanah untuk menguruskan Covid-19 ini, dia tidak boleh lepas daripada dua objektif iaitu menangani isu kesihatan dan menangani isu ekonomi yang mungkin satu sama lain adakalanya ada konflik. Jika buat begini, mungkin untuk kesihatannya bagus, tetapi terdapat kesan negatif untuk ekonomi dan sebaliknya. Maka, itu objektif. Ini ada kaitan dengan soalan yang ditanyakan tadi. Bagaimana cara? Misalnya jika kita hendak fokus kepada soalan tadi, bagaimana kita hendak mengelakkan daripada segelintir ahli masyarakat menjadi

terlampau tertekan dengan suasana yang ada sehingga kehilangan punca dan mengambil langkah yang drastik sehingga menamatkan riwayat mereka sendiri. Tetapi dia tidak akan lari daripada du acara yang utama terutamanya kita sebagai orang mukmin, sebagai orang yang beriman, tidak akan lari daripada dua cara ini. Yang pertama ialah cara hakikat dan yang kedua ialah cara syariat. Cara hakikat berdasarkan kepada hukum akal. Jika saya boleh terangkan lebih sedikit di sini, hukum dalam konteks yang kita bincangkan ini bermakna menetapkan sesuatu atau menafikan. Jadi, kita tetapkan sesuatu dengan akal, atau kita nafikan sesuatu oleh kerana akal kita menafikan, itu namanya hukum akal. Hukum akal ini kaitannya dengan hakikat dan akidah. Kita berkeyakinan akal kita tidak boleh terima bahawa kita tidak mempunyai Tuhan. Kita yang dahulu tidak wujud di dunia ini lalu wujud, pasti ada Tuhan yang menciptakan kita. Kita dahulu yang tiada masalah Covid-19, sekarang berhadapan dengan Covid-19, pasti ada Tuhan yang menentukan dan mentakdirkan musibah atau ujian ini. Maka, hakikat ini mendorong kita kepada bertawakal dalam hati kita ada keyakinan bahawa yang mendatangkan musibah ini jugalah yang akan mengangkat apabila tiba masanya. Yang memberi penyakit jugalah yang akan menyembuhkan apabila tiba masanya. Dalam al-Quran disebut, “Apabila aku sakit, maka Dia, Allah yang menyembuhkan.” Kita tidak boleh lari, maka kita kena memohon kepada Yang Maha Berkuasa untuk mengangkat musibah ini. Sebab itulah dalam keadaan kita mengangkat tangan berdoa kepada Allah, takkanlah kita hendak mengangkat tangan dalam keadaan kita masih bergelumang dalam dosa dan maksiat. Tidak malu mukakah kita jika kita masih belum menyelesaikan lagi permusuhan kita dengan Allah. Maksiat-maksiat yang kita lakukan. Maka, wajib ke atas pemerintah dan rakyat terutamanya orang-orang Islam untuk bertaubat kepada Allah SWT atas doa maksiat yang kita lakukan selama ini. Barulah InsyaAllah, ada peluang kita mendapat istijabah doa daripada Allah SWT. Jauhi maksiat, tutupi jalan-jalan ke arah kemaksiatan, lebih-lebih lagi maksiat yang dilakukan secara terang-terangan. Ada cubaan sekarang ini di mana mereka hendak menghalalkan yang haram atas nama hak asasi, atas nama kebebasan dan sebagainya. Kemudian, itu dari segi membersihkan. Kita perlu hiasi dengan zikir kerana dari situ datangnya rahmat. Satu perkara yang saya perasan ialah seolah-olah dipinggirkan amalan yang sepatutnya menjadi sunnah ketika kita berhadapan dengan musibha yang meluas sebegini iaitu amalan Qunut Nazilah. Qunut Nazilah sepatutnya dibaca pada setiap waktu solat sebaliknya kita lebih suka melakukan solat hajat. Saya tidak mengatakan bahawa perkara ini salah, tetapi mengapa kita tinggalkan perkara yang asal iaitu sunnah Nabi SAW,

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

apabila umat ditimpa sesuatu musibah, kita melakukan Qunut Nazilah pada setiap waktu solat, bukan Subuh sahaja. Jadi, pihak berkuasa agama perlu beri peringatan kepada masjid dan surau supaya tidak meninggalkannya dan yang solat di rumah juga melakukan Qunut Nazilah. Ini daripada sudut yang pertama iaitu hakikat. Tetapi perlu diingati, hakikat tidak menafikan syariat. Jika kita berpegang dengan hakikat tetapi langsung kita ketepikan syariat, maka kita digelar sebagai golongan batiniyyah iaitu golongan hakikat yang menyeleweng. Jadi, syariat ini berpaksikan kepada jenis hukum yang kedua iaitu hukum adat. Tolong jangan keliru, sesetengah orang menganggap bahawa takkanlah hendak menangani Covid-19 pun masih hendak beradat. Adat yang bagaimana? Bukan adat Melayu, adat Cina, adat India, adat Papatih, adat Temenggung. “Adah” di sini berasal daripada perkataan dalam Bahasa Arab yang bererti kebiasaan. Sesuatu yang kita tetapkan atau nafikan *based on experimental, based on causes and effects*. Apabila membuat sesuatu perkara, jadi sesuatu perkara yang lain, maka kita kaitkan. Sebagai contoh, dalam suasana Covid-19, katanya jika kita duduk hampir antara satu sama lain boleh menjadi *cause* kepada *effectnya* iaitu jangkitan Covid-19. Jadi, ada isu penjarakan sosial, memakai *mask* dan sebagainya. Kita perlu ingat bahawa hukum adat ini boleh berbeza-beza kerana ia adalah *experimental*. Jadi, di sinilah perlu kepada dua jenis ikhtiar iaitu *preventive* dan *curative* kerana ada ikhtiar dalam bentuk pencegahan dan ada ikhtiar dalam bentuk rawatan. Jadi, jika kita hendak fokus kepada syariat dalam isu bunuh diri, kerana baru-baru ini ada seperti satu polemik juga antara mereka yang terlibat secara langsung seperti psikiatris dan sebagainya ini yang menangani kemurungan secara profesional dengan golongan agama seolah-olah daripada satu sudut, golongan agama tidak boleh ganggu kerana bukan mereka punya *field of expertise*, ini kerja orang psikiatris. Orang dalam bidang ini secara profesional sering menangani orang-orang yang mempunyai masalah kemurungan dan sebagainya. Saya lihat ada betul dan ada tidak tepatnya juga. Betul daripada sudut ya, dalam satu bidang kita serahkan kepada pakarnya, maknanya ahli agama seperti Ustaz tidak semestinya pakar dalam menangani kemurungan tetapi itu *curative*. *Preventivenya* masih ada peranan orang agama kerana kita tahu orang-orang yang ada zikrullah, orang-orang yang ada iman yang kuat, orang-orang yang faham hukum agama termasuklah hukum berkaitan dengan batil, sifat ikhlas, sabar, redha dan sebagainya, mereka itu dicegah daripada dihinggapi kemurungan. Jadi, perlu ada *cooperation*. Ustaz-ustaz tidak boleh memandai-mandai mengatakan bahawa kemurungan ini mudah sahaja dan sebagainya. Ada pakar yang perlu kita hormati bidangnya tetapi pakar juga perlu iktiraf bahawa Ustaz-ustaz ini

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

juga mempunyai peranan sekurang-kurangnya dalam bentuk *preventive* dengan apa yang mereka sampaikan dengan penuh ikhlas dan sebagainya. Jadi, saya rasa sebagai mukadimah, mungkin setakat itu dahulu. Mungkin kita akan ambil banyak manfaat daripada perkongsian Toqqi. Saya beri laluan, saya berhenti setakat ini dahulu. Silakan.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (13:15 – 13:49)

Baik. Jadi, kepada Toqqi. Mendengar pendapat daripada Ustaz Engku tadi bahawa perlu ada peranan daripada dua pihak sama ada daripada pihak kerajaan itu sendiri dan juga masyarakat untuk memastikan pandemik ini dapat diputuskan tetapi sehingga ke hari ini angkanya semakin mengejutkan iaitu 9180 bersamaan dengan 9 hari bulan. Apakah pandangan Toqqi tentang isu ini? Adakah ini menunjukkan sinar-sinar yang akan berakhir atau bagaimana Toqqi?

Dato' Nadzim Johan (ahli panel) = (13:50 – 26:13)

Assalamualaikum w.b.t. Apa khabar? Yang saya hormati, Ustaz Engku Ahmad yang pengetahuannya cukup tinggi. Jadi, Toqqi seronok dapat menumpang belajar. Apa pun, bercerita tentang persoalan tadi, sebenarnya terlalu banyak yang hendak dikongsikan sehingga tidak tahu hendak mula dari mana kerana perkara ini kerana tahapnya cukup berlapis-lapis dan perancangannya cukup lama. Jika diceritakan, nanti orang kata Toqqi ada konspirasi dan sebagainya pula. Tetapi beginilah, beberapa hari lepas, Toqqi berjumpa dengan seseorang yang belajar muzik. Industri muzik yang belajar penciptaan dan sebagainya dan biasa bekerja di Hollywood dan berkawan dengan pelbagai orang. Rupa-rupanya, jika kita lihat muzik itu memang biasa, tetapi *subconsciousnya*, apabila kita mendengar muzik, pelbagai mesej yang telah dihantar oleh satu puak yang berejenda ini kepada minda kita termasuklah pemujaan dan sebagainya. Sebagai contoh, gambar-gambar kartun dan cerita kartun yang anak-anak kita tonton itu pun ada mesej yang dihantar dan tanpa disedari masuk ke dalam minda kita dan kita oleh menerima semua perkara itu dengan mudah apa lagi jika kita tiada pegangan agama yang jelas. Jadi, perancangan ini memang ada. Kita tidak boleh nafikan. Apabila kita bercerita tentang perkara ini, orang akan mengatakan bahawa ini adalah konspirasi teori. Jadi, adakah 911 itu konspirasi teori? Yang mati banyak mana, adakah orang kisah? Yang kapal terbang melanggar bangunan itu hanya satu, tetapi yang runtuh 7 bangunan di sekelilingnya. Siapa yang dapat insurans? Dahulu, kebiasaannya 911 akan membawa *the last survivor* yang menjaga bangunan itu dahulu. Jika bercerita, orang mengatakan ini konspirasi teori. Daripada teori itu, mereka boleh

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

pergi ke Iraq, menfitnah Islam dan katakan mereka pergi ke Iraq untuk mencari Osama Bin Laden, mereka boleh serang Iraq dan mengambil banyak minyak dan serang kesemuanya dan akhirnya mereka yang kaya. Tetapi itu ialah konspirasi teori. Tetapi kita lihat di sekeliling kita ini mereka berjaya membuat pelbagai perkara dan berlindung di sebalik konspirasi teori. Perkara ini jelas daripada dahulu lagi sebenarnya. Ejenda puak-puak tertentu ini untuk mengawal dunia memang daripada dahulu lagi, daripada East India Company yang dilantik oleh permaisuri mereka untuk kembali dan menawan negara-negara di sebelah sini yang menawan dan mengambil harta benda dengan sesuka hati. Kita lihat juga Boston Tea Party di mana mereka membuat fitnah kepada India, kononnya membakar kapal mereka tetapi rupanya yang membakar adalah orang mereka juga tetapi berpakaian Indian. Toqqi menceritakan perkara ini kerana teori lain sudah banyak tetapi kita hendak bangkitkan persoalan bahawa adakah kejadian yang berlaku hari ini adalah kejadian yang berlaku begitu sahaja atau kejadian yang melibatkan pembuatan kuman di Wuhan oleh Anthony Fauci? Suka tidak suka, penaklukan ini merupakan penaklukan ke atas diri kita terutama orang Islam dari dahulu lagi. Daripada muziknya, daripada filemnya, daripada *finance*, daripada *culture*, semuanya memang kita telah ditawan lama. Cuma hari ini segala-galanya dapat ditawan sehingga sembahyang pun mesti mengikut kaedah mereka. Jadi, umat Islam perlu menanganinya. Tanggungjawab semakin besar terutamanya bagi orang yang berilmu. Tetapi apa pun, semua rakyat Malaysia terutamanya orang Islam perlu berbuat sesuatu mnegikut kapasiti kita. Kita perlu melakukan segala upaya yang mampu dalam ujian kita ini. Inilah ujiannya yang Toqqi nampak. Sebenarnya, pada pandangan kita, perkara yang terjadi hari ini merupakan satu daripada siri-siri penjajahan oleh puak-puak tertentu yang menggunakan platform vaksin atau Covid-19 ini sebagai satu cara untuk menawan. Tidak perlu menggunakan sebiji peluru pun. Tidak perlu menghantar kapal terbang pun. Mereka dapat menawan dalam masa yang singkat sahaja. Kita pula sebagai orang Islam, apa langkah-langkah yang boleh kita lakukan kerana kita sedang dijajah. Dahulu jika dijajah kita boleh membawa senapang, tetapi hari ini segala benda pun tidak perlu, tiba-tiba habis satu dunia. Mereka merancang dan menggunakan pelbagai teknologi. Teknologi sekarang ini pun cukup dahsyat yang boleh digunakan untuk menjadikan kita hamba. Toqqi pun sudah membawa isu ini merata-rata untuk membawa masalah yang kita alami hari ini adalah satu penjajahan yang perlu kita semua lihat dengan serius termasuklah ejensi-ejensi keselamatan. Itu satu perkara yang kadang-kadang kita terlepas pandang. Mungkin kita ambil mudah. Sebenarnya banyak persoalan yang boleh kita

timbulkan, bukan tidak mahu bersangka baik, tetapi dalam keadaan tertentu kita perlu teliti dengan apa yang kita lakukan. Hari ini kita lihat bahawa kita gagal dalam bahagian itu kerana kita kurang dilatih untuk membuat persediaan. Tetapi apa yang Toqqi katakan ini, jika kita hendak selamat, ada satu tempat sahaja. Hal ini kerana musuh-musuh Islam hari ini boleh emncipta setelit sedangkan di negara Islam ini tiada pun satelit yang betul-betul dibuat oleh negara kita sendiri. Memang kita ada satelit tetapi bukan kita yang buat sendiri. Vaksin pun kita tidak buat. Jadi, jika kita hendak melindungi diri kita, jawapannya hanya ada pada agama Islam itu sendiri. Kita perlu cari Ustaz-ustaz ini untuk memberi kesedaran dan membentuk jati diri Islam itu sendiri kerana jika kita lihat jati diri pada hari ini, daripada 100, orang Melayu ini jika dapat 15 pun sudah bernasib baik. Toqqi pernah bersekolah Cina. Masyarakat Cina mengatakan bahawa orang Melayu ini mudah, semua boleh dapat. Minta apa sahaja pasti akan dapat. The answer is yes, but the question is how much? Itu sahaja. Jadi, kita sedang berada dalam keadaan yang tiada jati diri. Hari ini kita tiada duit. Tetapi jika kita dapat RM 1 billion sekalipun tidak jadi apa juga kerana setelah dapat duit, lupalah segalanya. Orang yang mempunyai jati diri yang kuat, seperti Cina dan India yang sangat kuat jati dirinya dibandingkan dengan orang Melayu yang tiada jati diri, pengorbanan pun tiada untuk membuat sesuatu dan membela agama kita. Jadi, inilah mukadimah yang agak panjang sedikit.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (26:14 – 27:12)

Baik, jadi kita menyentuh sedikit antara perkara yang disebutkan oleh Toqqi tadi bahawa jati diri dalam kalangan umat Islam itu lemah sedangkan jika kita rujuk semula kepada sejarah, pejuang-pejuang tanah air dahulu ketika menentang penjajah kebanyakannya taraf Tok Guru agama yang menjadi ketua untuk mengajak kebangkitan rakyat ini. Tetapi pada waktu ini, sebagai rakyat yang tidak mempunyai jawatan dalam parti atau kerajaan, kemungkinan akan dikenakan sesuatu. Kita juga hendak menyentuh bahawa baru-baru ini ada individu yang mengatakan kempen kibarkan bendera putih itu kurang relevan sebaliknya lebihkan berdoa kepada Allah dan menunggu bantuan itu datang secara tiba-tiba. Adakah apa yang kerajaan telah lakukan hari ini menepati maqasid syariah menurut pandangan Ustaz? Silakan.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali (ahli panel) = (27:15 – 45:34)

(Bacaan doa). Oleh kerana perkataan akhir yang disebut itu ialah maqasid syariah. Maqasid ini adalah *plural* atau jamak kepada perkataan maqsad yang mana telah diwahyukan. Apa maksud

atau objektif daripada syariah itu? Jadi, setelah para ulama' melihat hukum hakam Islam, mereka menyimpulkan bahawa terdapat 5 objektif besar daripada syariat itu sendiri. Itu dikatakan sebagai maqasid syariah iaitu yang pertama hifzu ad-din iaitu menjaga agama. Yang kedua ialah hifzu al-nafs iaitu menjaga nyawa dan yang ketiga ialah hifzu al-aqli iaitu menjaga akal. Intelektual dan kapabilitis itu tidak boleh dirosakkan. Yang keempat ialah hifzu al-nasal iaitu menjaga nasab keturunan. Maka, diharamkan zina, liwat dan sebagainya untuk menjaga nasab keturunan manusia supaya berterusan suci dan bersih serta yang kelima, menjaga harta. Maka, diharamkan mencuri, rasuah diharamkan aktiviti-aktiviti ekonomi yang haram untuk menjaga kebersihan harta. Jadi, inilah lima maqasid as-syariah. Apabila dikaitkan dengan isu kibar bendera, menarik ya keraan itu merupakan antara isu yang saya hendak sentuh pada malam ini. Sebelum itu, saya hendak sentuh kepada dua perkara. Tadi kita sudah menyebut tentang objektif Covid-19 iaitu berkaitan dengan kesihatan dan ekonomi. Kemudian, cara untuk mencapai objektif juga ada dua, yang pertama ialah hakikat iaitu melalui jalan agama, bertaubat, berzikir, bermunajat, bertawakal dan sebagainya dan yang kedua ialah syariat iaitu mengambil kira sebab-musabab kena usaha ikhtiar dan sebagainya. Itu ada kaitan dengan kibar bendera itu. Tajuk hakikat dan syariat ini memang ada kaitan dengan isu kibar bendera putih. Yang kedua, cabarannya adalah kadangkala kita terpaksa mengakui bahawa krisis sebagaimana yang kita sedang alami kini ekoran daripada Covid-19 ini adalah *unprecedented*. Kita belum ada pengalaman dan kita seperti terkejut bagaimana hendak menguruskannya. Jadi, tiada orang yang betul-betul berpengalaman dan pakar. Jadi, kita perlu menjadi *open-minded*. Kita tidak boleh taksud kepada satu pandangan sendiri dan cenderung melabelkan yang berbeza pandangan itu tanpa asas dan fakta. Melabelkan itu memang bagus, sebagai contoh, jika kita masuk ke kedai runcit dan hendak membeli satu tin sardin, kita memang mempunyai masalah besar jika kedai itu mempunyai pelbagai tin tetapi satu label pun tiada. Jadi kita tidak tahu mana satu sardin, mana satu bilis, mana satu kerang dan sebagainya. Yang tidak bagus ialah mislabelling. Kita dengan mudah melabel tanpa ada bukti dan fakta. Saya ambil contoh, Toqqi tadi sudah menyebut juga tentang isu ini iaitu vaksinasi, ada sesetengah pihak yang hendak menjadikan perkara ini *black and white*. *Either you are black or you are white*. Dia tidak mengambil kira spektrum yang ditengah. Maksudnya, jika ada satu pihak yang positif dengan Langkah-langkah yang diambil oleh pihak berkuasa, yang positif dengan program vaksinasi, mereka dilabelkan sebagai ejen dajjal. Mereka juga dilabelkan mengikut mazhab WHO. Golongan yang agak skeptikal dengan langkah-

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

langkah yang diambil, yang agak skeptikal dengan program vaksinasi bahkan vaksinasi itu adakah selamat, adakah the right method dan sebagainya, *conveniently labelled as the conspiracy theorist*. Memang ada, kita tidak nafikan. Mungkin ada puak tertentu yang menjadi ejen kepada ejenda-ejenda tertentu, itu biasa. Daripada zaman dahulu pun ada isu ejen-ejen ini. Yang kedua, kita juga tidak nafikan bahawa ada orang yang terlampau terbuai dengan fantasi, suka membuat teori yang tiada fakta dan sebagainya tetapi tidakkah *in between* itu masih terdapat *a lot of professional people* yang mereka bukan ejen kepada sesiapa dan mereka juga tidak terpengaruh dengan mana-mana teori tetapi mereka mempunyai kebimbangan tentang keselamatan diri dan masyarakat kita. Sebagai contoh, dalam isu vaksinasi, saya lihat *it is not between anti-vaccine and pro-vaccine. Not as simple as that*. Tetapi ada orang yang pro-vaksin tetapi dia rasa vaksin sekarang ini *is not even under the definition of vaccine. This one is the genetic modification. It is not vaccine. By definition*, tidak sepatutnya ditakrifkan sebagai *vaccination*. Jadi, saya lihat tidak bagus untuk kita cepat melabel seseorang itu sebagai akti vaksin dan sebaliknya. Tidak semestinya. Dia juga merupakan orang yang mempunyai pengetahuan tentang perubatan, vaksinasi. Jadi, mengapa kita tidak lebih terbuka dalam mendepani perbezaan pandangan memandangkan kita sama-sama tahu bahawa *none of us can claim to be the expert* dalam menangani isu Covid-19. Pro-vaksin juga tidak boleh memandang lekeh kepada yang skeptikal kerana sekarang kita terpaksa akur bahawa tidak pernah berlaku ia diluluskan dalam masa yang begitu singkat. Kita tahu bahawa vaksin-vaksin terdahulu memakan masa bertahun-tahun tetapi atas nama emergency use, maka dibenarkan guna. Maknanya, bukan dibuktikan selamat lagi, tetapi boleh digunakan. Kemudian, teknologi itu pula kita terpaksa akur bahawa ada sesetengah vaksin itu menggunakan teknologi yang tidak pernah digunakan sebelum ini. Jadi, jika ada orang yang skeptikal, kita tidak boleh terus menghukumnya kerana scepticismnya itu ada asas-asasnya, kita perlu dengar dahulu. Maka di sinilah berlaku keterbukaan dalam menangani perbezaan. Sama juga dengan isu kibar bendera putih. Saya lihat ada dua ekstrem di sini. Ekstrem pertama adalah yang melihat bahawa kibar bendera putih tidak salah kerana bertujuan untuk membantu sesame masyarakat. Ini dapat memudahkan yang hendak membantu untuk memberikan bantuan. Memang ada dalam kalangan masyarakat yang tidak mempunyai apa-apa agenda dan mengibarkan bendera putih hanya untuk memberitahu bahawa dia dalam keadaan memerlukan. Jadi, yang hendak membantu boleh menghantar bantuan seperti beras, barang keperluan dan sebagainya. Ekstrem yang satu lagi, ada golongan yang bimbang bahawa kibar bendera putih ini

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

boleh di*hijack* oleh pihak yang mempunyai kepentingan yang membelakangkan kepentingan negara. Bagaimana *hijack* ini boleh berlaku? Kerana *the colour coder movement* bukan perkara baharu. Kita tahu banyak negara seperti di Thailand mempunyai gerakan baju merah, Gerakan baju kuning bahkan di negara kita sendiri suatu masa dahulu terdapat agenda BERSIH atas topeng menginginkan pilihan raya yang bersih. Semua orang mahukan pilihan raya yang bersih, tiada orang yang mahukan pilihan raya yang penuh penipuan dan sebagainya. Tetapi data menunjukkan bahawa ia hanyalah *the colour coder*. Kita tidak boleh ketepikan kemungkinan bahawa satu benda yang asalnya *harmless*, hanya mengibarkan bendera putih untuk memberitahu bahawa mereka memerlukan bantuan boleh di*hijack* oleh kumpulan tertentu menjadikannya sebagai satu gerakan yang hendak menggulingkan kerajaan yang sekarang ini. Bendera putih ini menjadi bukti bahawa rakyat telah berputus asa dengan usaha-usaha kerajaan. Maksudnya, boleh dimanipulasi. Bahkan pada 9 Julai, Bloomberg membuat laporan, kita tahu bahawa Bloomberg memang mempunyai track record menghentam Malaysia sejak dahulu lagi tetapi Bloomberg memainkan peranan untuk membawa naratif *Malaysia is a fail state* dan dia kaitkan dengan pengibaran bendera putih. Jadi, jika kita tidak meraikan kedua-dua pandangan ini, maka kita akan berhadapan dengan konflik yang tidak berkesudahan padahal isunya hanya mengibarkan bendera putih. Kita perlu akui bahawa ada rakyat yang benar-benar terdesak yang perlu difahami bahawa dia memerlukan bantuan yang segera. Jadi, bendera putih hanyalah satu kaedah. Dalam masa yang sama, kita tidak boleh ketepikan bahawa ada strategist dan propagandist yang boleh *hijack* dan sabotaj aktiviti mengibarkan bendera putih ini untuk melakukan agenda-agenda politik yang tidak sihat. Kita tiada masalah dengan menukar kerajaan, kerana sistem demokrasi di negara kita memang membenarkan kerajaan ditukar. Tetapi biarlah kerajaan itu ditukar secara mengikut lunas undang-undang, bukannya berlaku rusuhan di jalanan, menyebabkan kematian, kecederaan dan sebagainya. Jadi, bagaimana caranya untuk kita meraikan kedua-dua perkara ini? Untuk keperluan yang segera, tentulah kita perlu raikan mereka yang mengibarkan bendera putih. Selain mengangkat tangan berdoa kepada Allah, itulah cara orang Islam, bukannya mengibarkan bendera putih, ini adalah *to simplistic an attitude* kerana kita seolah-olah hanya berpegang kepada hakikat sahaja dan seolah-olah kita mengetepikan syariat. Adakah bererti jika seseorang itu berusaha mendapatkan bantuan dengan cara mengibarkan bendera putih itu tidak berdoa? Belum tentu. Boleh jadi orang yang sama pada setiap malam berdoa dan bertahajud kepada Allah SWT tetapi dalam masa yang sama tidak menafikan ikhtiarnya untuk mendapatkan bantuan. Jadi,

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

janganlah orang-orang yang mempunyai kedudukan membuat statement yang akan memakan diri seperti itu. Ini statement yang bagi saya tidak cermat kerana berdoa tidak menafikan usaha ikhtiar. Kita angkat tangan berdoa dan bertawakal kepada Allah, adakah bermakna kita tidak berusaha berikhtiar? Tidak. Kita masih kena berusaha dan berikhtiar. Tetapi jika boleh jangan dalam cara yang boleh *dihijack*. Jadi, *why not we take this positively?* Kita kan mempunyai teknologi, bisnes pun kita buat dengan menggunakan teknologi digital dan sebagainya. Kita juga ada platform MySejahtera. Apabila timbul isu bendera ini, memang saya telah terfikir tentang idea ini, tetapi baru-baru ini saya lihat ketika satu seminar *on* Islamic Finance yang diajukan oleh Israa, rupa-rupanya idea ini sudah ada. Adalah pembentang yang membentang pada hari tersebut ialah Asnaf Care daripada Kedah, pusat zakat Kedah dan satu syarikat berhad yang menggunakan platform yang mereka namakan Kita Fund. Apa pun aktiviti yang baik ini memerlukan kepada *matchmaker*. Perniagaan perlu *matchmaker* antara *provider* iaitu pemberi modal dengan *entrepreneur* atau peniaga. Peniaga tiada modal. *Provider* ada modal tetapi tidak pandai berniaga. Siapa yang hendak menemukan dua pihak ini agar menghasilkan satu bisnes yang baik, itulah peranan *matchmaker*. Jadi, dalam isu Covid-19 ada orang yang sangat-sangat memerlukan bantuan. Mungkin sudah tiada makanan di rumah. Anak mungkin terpaksa minum air sejuk, sudah tiada susu, misalnya. Di pihak yang lain, memang ada yang hendak memberikan bantuan sama ada kerana dia memang dermawan atau NGO yang memang fokus ke arah itu atau dia memang orang-orang atau ketua masyarakat yang memang mempunyai peruntukan untuk menyalurkan bantuan dan sebagainya. Jadi, di mana *matchmakernya?* Itulah platform tadi. Orang-orang yang teknikal perlu *evaluate* bagaimana cara untuk melakukannya. Katakanlah oleh kerana sudah ramai yang mempunyai MySejahtera, mengapa tidak MySejahtera itu dipautkan dengan platform yang saya katakan tadi iaitu Kita Fund. Siapa yang memerlukan bantuan akan *connect* dengan platform ini dan platform ini akan *verify* dan akan *connect* dengan NGO dan pihak yang akan memberikan bantuan. Sebagai contoh, saya dapat personal mesej dalam Facebook saya, satu orang dari Johor mengatakan bahawa dia memerlukan bantuan kerana dia terkena strok dan sebagainya. Masalanya, bukan saya tidak mahu bantu, saya memang teringin untuk membantu orang ini tetapi saya tidak boleh *verify* sama ada benar atau scam. Jadi, dengan adanya platform lebih-lebih lagi platform yang disokong oleh pihak kerajaan, tentulah kita masukkan data ke dalam platform ini bagi orang yang memerlukan bantuan, seperti orang yang mengebarkan bendera putih tetapi dengan cara yang sukar untuk *dihijack* dan dimanipulasi

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

seolah-olah jika kita masukkan data, pihak di Johor akan *verify* alamatnya, kita check memang betul dia berada dalam keadaan yang memerlukan bantuan, jadi kita salurkan bantuan terus kepadanya. Mungkin boleh dibuat persetujuan, jika didapati kes itu tidak *genuine*, saya salurkan wang saya ini untuk kes-kes yang *genuine*. Ini perkara yang boleh dibuat. Tetapi tentulah *politician* akan tanya, “*What’s that for us?*” *Politician* ini biasanya memang mahukan *mileage*. Sembahyang Jumaat pun mereka hendak *mileage*. Selalunya mereka akan sembahyang di tempat yang terdapat banyak pengundi mereka supaya mereka boleh bertegur sapa. Kita tiada masalah jika orang politik hendak berpolitik, tetapi biarlah cara mereka itu mendatangkan win-win. Kita lihat banyak politik yang mendatangkan kerosakan. Sebab itu saya katakan jangan hilang fokus. Jangan jadikan pengurusan Covid-19 sebagai agenda politik. Dia sudah tidak melihat apa yang menjadi agenda mudarat, apa yang boleh membantu ekonomi, dia hanya melihat apa kepentingan politik. Itu sangat berbahaya. Parti politik sudah menjadi agama baharu. Kita tidak mahu begitu. Saya bayangkan platform itu akan mempunyai satu ruangan atau butang khas untuk ahli-ahli parlimen. Dicatatkan pada platform tersebut bahawa ahli parlimen sekian, *contribute* misalnya 15% daripada gajinya kepada projek ini. Projek kibar bendera, misalnya. Jadi, ahli politik ini pada bulan Julai 2021 menyumbangkan 20% daripada gajinya dan daripada peruntukan kerajaan dia telah salurkan kepada sekian-sekian khas untuk ahli parlimen sahaja kerana mereka ini memang diberikan amanah untuk berkhidmat kepada rakyat. Jadi, baru kita boleh lihat siapa ahli parlimen yang betul-betul meletakkan wang *where their mouth is*. Kadangkala mereka sembang sahaja. Mereka katakan demi rakyat tetapi sebenarnya mereka menunggang rakyat. Mungkin orang yang susah ini sudah tiada data dan kredit, jadi ini peranan orang yang membantu. Mereka kan mempunyai manual di mana asalnya kibar bendera. Jadi, nanti NGO akan salurkan maklumatnya kepada data ini. Data ini sangat penting dan boleh dikongsikan dengan pusat zakat, jabatan kebajikan masyarakat, dan sebagainya. So, build data is very important dalam pengurusan krisis ini, wallahualam.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (45:35 – 46:42)

Baik. Jadi, idea yang Ustaz kongsi itu sebenarnya sangat menarik. Sekadar hendak berkongsi, aplikasi yang Ustaz bayangkan itu sebenarnya telah digerakkan oleh rakyat dan jika Ustaz cari di Google, cuba taipkan kitajaga.co. Di sana, kita dapat lihat terdapat dua entiti. Yang pertama entiti yang mengibarkan bendera putih secara atas talian dan ada pihak yang sedia

memberikan bantuan dan ini sangat menarik. Tetapi masalah mereka ialah disebabkan mereka ini adalah rakyat biasa, jadi terdapat kekurangan daripada segi kewangan, jadi itu perlu diberikan perhatian. Kita beralih pula kepada Toqqi. Kita boleh lihat negara jiran kita seperti Brunei, contohnya telah menunjukkan contoh yang baik dalam mengawal pandemik ini. Maknanya, pengurusan wabak itu berjaya dan di sana tiada kes seperti di Malaysia pada ketika ini. Apakah pandangan Toqqi?

Dato' Nadzim Johan (ahli panel) = (46:43 – 59:13)

Baik, Toqqi bukanlah negatif dalam banyak perkara tetapi biasanya keputusan yang Toqqi buat ini berdasarkan kepada pengalaman dan apa yang terjadi. Sebagai contoh, suka tidak suka, kita lihat banyak ejensi di Malaysia hari ini, jika kita lihat daripada rekod kejayaannya, amat rendah. Sebagai contoh, FAMA, LKIN dan sebagainya. Hari ini semuanya terletak pada kartel. Walaupun banyak usaha diletakkan, contohnya perbelanjaan sektor. Kita tidak tahu banyak mana yang dibelanjakan untuk membantu. Ke mana perginya duit tersebut dan mengapa ia tidak membawa kesan yang dikehendaki? Maknanya, itu pun berkait dengan jati diri kita. Kita bercerita tentang jati diri orang Melayu dan orang Islam di Malaysia. Jadi, pegawai-pegawai kita pun orang Melayu Islam juga. Di sebuah negara yang semuanya Islam, antara pemimpin besar sehingga ke bawah, maknanya kita gagal. Kita gagal menunjukkan bahawa kita mampu membuat sesuatu. Dalam banyak isu, kegagalan ini amat jelas. Sebagai contoh, jika kita lihat, sudah 60 tahun, orang Melayu yang hendak berniaga dan menjual barang di mana? Kebanyakan supermarket semuanya bukan dimiliki oleh Islam. Kita adalah pasaraya Mydin tapi dia menjalankan bisnes seperti bisnes biasa. Maknanya jika hendak membantu, dia mesti ada tempat untuk memasarkan. Apa yang Toqqi hendak kongsi ialah, mungkin ada orang tidak setuju bahawa kelihatan ejensi yang ada di sekeliling kita ini seperti tidak berkesan. Sebagai contoh, demam denggi. Tidak silap Toqqi, yang sudah meninggal dunia seramai 2000 orang setahun, maknanya lebih tinggi daripada Covid-19. Suka tidak suka, ejensi adalah sebahagian daripada kita kerana ejensi itu dikuasai atau ditadbir oleh orang kita sendiri. Denggi ini disebabkan oleh nyamuk. Nyamuk ini disebabkan oleh air yang bertakung. Jika air tidak bertakung, memang tiada nyamuk. Seorang kita nilaikan lebih satu juta pada negara. 2000 orang bermakna 2 billion. Setiap tahun kita kehilangan 2 billion aset kita. Kenapa jadi begini? Kerana adanya sampah. Orang membuang polisterina, plastik dan sebagainya. Perkara ini kecil, tetapi implikasinya besar.

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

Implikasi besar ini tidak dapat kita tangani apabila menjadi terlalu besar. Maknanya kita tidak detail. Kita terlalu mengambil mudah. Jadi, apabila perkara ini terjadi, contohnya yang kita lihat pada hari ini, kita mahukan pemimpin yang baik dan mampu memimpin negara dengan baik. Tetapi sebenarnya pemimpin itu juga berasal daripada kampung yang membuang sampah itu tadi. Kadangkala perkara ini kecil tetapi membawa implikasi yang cukup besar. Sebagai contoh, jika tuan Hakiem lihat, orang yang meninggal dunia kerana kemalangan jalan raya, kecuaiannya kadangkala 3 saat sahaja iaitu menjawab panggilan telefon. 3 saat itu membawa perbezaan kepada pelbagai perkara. Jika kita lihat satu contoh yang lain, orang yang mati terbakar, mereka bukan mati kerana terbakar, mereka mati kerana asap. Mereka hendak keluar tetapi pintu dimangga. Cari kunci tapi tidak jumpa. Jika kita latih keluarga kita, letak kunci di tempat yang mudah untuk diambil, maka akan selamat. Tetapi kita hendak melatih keluarga kita perkara mudah seperti itu pun susah. Jadi, kebanyakan yang mati itu kerana kunci diletakkan merata-rata. Maka, dalam konteks ini juga, kita perlu melatih diri kita. Kita perlu melatih diri kita untuk memperbetulkan keadaan supaya kita lebih tegas dan disiplin. Maksud Toqqi, generally speaking sebenarnya kita gagal dalam menguruskan keadaan dengan baik. Toqqi tidak mengatakan bahawa kerajaan tetapi kita semua gagal kerana kita pun sebahagian daripada anggota negara ini. Kita perlu serius. Toqqi yakin apa yang dibuat, kejayaan yang kita lihat adalah disebabkan doa dan kesungguhan kita dalam membuat sesuatu. Kita lihat kadangkala sekolah agama atau tahfiz, kawan saya mencuci tahfiz lebih kurang 200 buah tahfiz di Selangor. Apa yang menyedihkan ialah tahfiz ini tidak bersih sedangkan dalam Islam kebersihan itu adalah yang utama. Dengan adanya dapur, tikus, bilik air kotor, tempat tidur kotor, sehinggakan ramai yang terkena penyakit kulit. Ini yang menyebabkan masyarakat kita menjadi huru-hara kerana kurangnya latihan. Segalanya diambil mudah. Kita tidak melatih diri kita untuk menjadi baik, maka bagaimana kita hendak menjadi baik? Hendak membersihkan cermin pun tidak pandai. Umur 20 tahun lebih pun, pakaian dibasuh oleh ibu dan bapa lagi. Ini yang berlaku dalam masyarakat kita. Jika hendak harapkan pemimpin buat sesuatu susah, tetapi kita boleh buat sesuatu. Sekarang ini kita dalam ordinans darurat macam-macam kecemasannya. Kita tidak membuat sesuatu untuk membawa manfaat. Kita tidak ajar anak-anak kita kerana semua ibu bapa yang buat. Ini yang kita perlu buat pembetulan secara serius. Jika tidak, kita pun akan menjadi seperti orang Rohingya. Kita pun boleh hilang negara. Toqqi bercakap dengan orang yang paling popular di dunia ini, katanya mengikut kira-kira, jika Malaysia tidak berbuat sesuatu yang betul-betul berkesan, mungkin

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

dalam kurang 20 tahun, kita akan menjadi sebahagian daripada mana-mana wilayah. Kita cukup elemen untuk menjadikan kita lemah. Jual IC, seludup dan sebagainya. Kita tidak boleh menafikan perkara ini kerana kita telah melaluinya, kita sudah berjumpa dengan pelbagai orang. Kita sendiri yang menyebabkan kita menjadi lemah. Jadi, nampak gayanya Brunei lebih baik. Jadi, itulah sedikit perkongsian.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (59:13 – 59:29)

Baik, kita beralih kepada Ustaz Engku Ahmad Fadzil sebagai kesimpulan bagi topik kita pada malam ini berkenaan pengurusan Covid-19, adakah ia menepati harapan rakyat? Silakan Ustaz.

Ustaz Engku Ahmad Fadzil bin Engku Ali (ahli panel) = (59:34 – 1:05:35)

Baik, sebagai kesimpulan, jika kita hendak menjawab persoalan sama ada menepati kehendak rakyat atau tidak, itu agak sukar kerana rakyat ada pelbagai kemahuan dan pandangan. Tadi pun saya ada memuat naik dalam Facebook page saya, di ruang komen itu rakyat berikan pendapat yang pelbagai. Tetapi tentulah kita boleh sepakat, apa pun kehendak rakyat mereka sebenarnya tidak akan lari daripada mahu selamat daripada ancaman kesihatan dan hendak keluar daripada tekanan ekonomi. Sebagai kesimpulan, pihak-pihak yang mempunyai kuasa untuk melakukan sesuatu, tentulah mereka perlu memastikan untuk tidak sekali-kali hilang fokus terutamanya jangan sekali-kali pengurusan Covid-19 ini menjadi mangsa kepada kerakusan politik. Saya rasa rakyat masih belum lupa bahawa PKP yang pertama dahulu, negara kita oleh dikatakan sebagai negara yang amat berjaya dalam memutuskan atau mengekang rantaian jangkitan Covid-19 ini tetapi rakyat masih belum lupa oleh kerana *game-of-throne* di Sabah, berlakunya PRN di Sabah yang menyebabkan gelombang kedua yang sehingga kini menyebabkan kita masih belum berjaya menangani dengan baik. Cukup kesimpulan yang pertama, jangan hilang fokus. Fokus kita adalah untuk keluar daripada perkara ini. Sebab itu kita perlu lebih terbuka. Jika ada pakar-pakar yang mengesyorkan misalnya, kita tidak boleh terus menolak sebaliknya perlu membuat perbincangan, meneliti data-data yang mereka tawarkan kerana fokus kita adalah untuk keluar daripada masalah ini. Jangan ada pihak yang mengatakan bahawa jika Covid-19 ini selesai, maka akan merugikan politik kita. Ataupun jika rakyat keluar daripada masalah ekonomi, itu menjejaskan peluang kita untuk mendapatkan kuasa politik, maka kita perlu proleng masalah ekonomi ini. Jangan menjadikan pengurusan Covid-19 ini mangsa kepada *game-of-throne*. Biarlah *game-of-throne* ini bersaing secara *win-win*. Mereka bersaing tidak mendapatkan

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

manfaat kepada rakyat. Kemudian, idea untuk kita ada match-maker antara mereka yang perlukan bantuan dan mereka yang akan menyalurkan bantuan kerana yang menyalurkan bantuan ini yang paling besar peruntukannya sebenarnya adalah dari kerajaan. NGO ini berapa sangat yang mereka mampu? Hartawan dan dermawan berapa sangat yang mereka mampu berikan? Jadi, saya cadangkan kerajaan mengambil inisiatif untuk masukkan ke dalam MySejahtera atau membuat satu aplikasi baru. Tetapi yang paling mudah ialah MySejahtera kerana ramai orang mempunyainya. Jadi, kerajaan tidak semestinya pari yang sama, jika kerajaan berubah dan diambil alih oleh parti atau pemimpin yang lain, itu tetap juga menjadi projek kerajaan dan perlu diteruskan. Jadi, data-data itu tidak hilang kelestariannya dan lebih terjamin. Kemudian, kita kembali kepada hakikat kerana untung nasib kita ini sebenarnya di tangan Allah SWT. Apa makna kita menjawab haula wala quwwata illa billahil aliyyladzim? Tidak ada daya upaya untuk kita mengelakkan sebarang keburukan, tidak ada kekuatan untuk kita melakukan sebarang kebaikan kecuali dengan Allah SWT. Jadi, perlu cermat. Banyak rakan-rakan mengutarakan tentang SOP di masjid, yang mana disekat Jumaatnya, atau dihadkan bilangan jemaah dan sebagainya. Memang dari PKP yang pertama telah timbul rungutan sebegini tetapi pada masa itu kita mungkin berada dalam keadaan yang tidak jelas. Bagaimana kesan Covid-19. Jadi, kita kata jika sudah darurat, perkara darurat ini membolehkan perkara yang haram kerana menghalang orang untuk ke masjid itu haram. Maka, dalam al-Quran ayatnya melaporkan bahawa “Siapakah yang lebih zalim daripada orang yang mencegah daripada masjid-masjid Allah dan daripada disebut nama Allah dalam masjid?” Jika kita menghalang orang pergi ke masjid, maknanya tiada orang yang lebih zalim daripada orang yang menghalang orang untuk ke masjid. Jadi, orang seperti ini akan mendapat kehinaan di dunia dan azab yang pedih di akhirat. Jadi, itu membimbangkan. Tetapi bukankah mufti-mufti jabatan agama juga yang membenarkan itu berdasarkan darurat. Jadi, darurat itu hendaklah disekat mengikut sukatan, jangan melampau-lampau sehinggakan kadangkala timbul persoalan untuk tidak boleh solat. Tetapi jika untuk program vaksinasi, boleh rapat-rapat, boleh dilakukan di masjid. Jadi, perkara ini perlu ditimbang dengan cermat oleh pihak-pihak yang berkuasa supaya kita tidak jauh daripada pencipta, Allah SWT yang menentukannya. Jika benar darurat, memang ada perkara yang asalnya dilarang boleh dilakukan tetapi jika tiada darurat, maka kita tidak lagi menjemput rahmat sebaliknya kita menjemput murka daripada Allah SWT, nauzubillahiminzalik. Setakat ini

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

sahaja, saya ucapkan terima kasih atas perhatian, saya mohon maaf atas salah dan kesilapan, Assalamualaikum w.b.t.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:05:49 – 1:05:56)

Baik, dan kepada Toqqi, sedikit kesimpulan tentang topik pada hari ini. Silakan.

Dato' Nadzim Johan (ahli panel) = (1:05:57 – 1:12:16)

Mengikut pengalaman, sebenarnya kita menerima banyak aduan. Covid-19 itu memang ada, kita tidak nafikan dan kita perlu menghadapinya tetapi kita rasa pengurusannya banyak lagi yang perlu ditingkatkan. Sebagai contoh, memang kita hendak melihat keselamatan. Tetapi yang membuat keputusan itu, adakah mereka faham? Sebenarnya pegawai sahaja yang melakukannya. Jika hendak menyuruh Toqqi membuat *game* seperti pertandingan golf, Toqqi pun tidak pernah main golf. Macam mana Toqqi hendak faham? Jadi, perlu letak orang yang pakar. Cuba lihat apartment yang tinggi itu, di luar ada askar, kawalan polis dan sebagainya sehinggakan di tangga pun perlu meletakkan kawat. Memang niatnya baik, tetapi kawat itu diletakkan untuk menghalang kuman Covid-19 atau apa sebenarnya? Kita pun tidak faham. Mengapa perlu buat begitu? Jika berlaku kebakaran bagaimana? Terdapat juga syarat menaiki kenderaan iaitu 2 orang penumpang sahaja termasuk pemandu. Adakah pemandu itu penumpang? Kadangkala mereka melakukan kerja dengan kurang berfikir dan kurang ditapis kerana sudah tentu bukan ketua-ketua yang buat. Industri terlalu besar. Ataupun kedai makan hanya boleh dibuka sehingga pukul 8 sahaja. Adakah kuman tersebut hanya keluar pada pukul 9? Maknanya perlu ada logiknya bagi saya. Jika di pasaraya begitu ramai orang, di masjid hanya 12 orang. Maknanya, kita perlu mengambil orang yang mampu membuat kerja dengan betul. Seperti orang yang menjual burger atau sate, jika ditutup pukul 8, orang yang pulang dari kerja pun tidak sempat membeli. Jadi, pengurusan itu perlu dibuat oleh orang yang faham kerana setiap keputusan yang dibuat itu impaknya kepada orang di bawah, bukan main-main. Tetapi impak daripada apa yang mereka buat itu kadangkala amat menyusahkan kehidupan orang lain sehingga kita lihat antara kegagalan daripada pengurusan itu adalah orang bunuh diri. Mengapa orang membunuh diri? Bagaimana kedai LV di KLCC boleh dibuka? Adakah kedai itu dibuka sebagai terapi untuk orang kaya-kaya membeli beg ketika musim ini? Mengapa kedai arak dibuka? Ada keperluankah? Saya rasa kita perlu wujudkan keadaan di mana orang boleh bertanya dan memberi cadangan. Bahagian inilah yang kita cukup lemah dan kita perlu membuat sesuatu. Kita perlu bermula

Nur Natasha Binti Nasrun
013-2586320

dengan latihan di tempat kita sendiri. Maknanya kita perlu membuat sesuatu untuk mengubah supaya kita dapat betulkan keadaan supaya tidak menyusahkan orang lain dan praktikal. Maknanya, perkara itu betul-betul praktikal, bukan buat dengan sambalewa. Ini yang kita takutkan. Kita lihat hari ini berapa ramai orang yang tiada kerja. Kadangkala orang yang main golf *dicomplain*. Kenapa tidak boleh main golf? Main golf berjalan jauh-jauh tetapi di pasaraya bersesak-sesak. Pengurusan itu perlu dilihat. Berjaya membuat sesuatu ini maknanya tidak membuat orang marah. Perasaan ini jika ditekan, akan menyebabkan mood menjadi tidak baik, bergaduh dengan keluarga, jiran dan sebagainya. Ini yang berlaku pada hari ini. Kes penceraian meningkat, kes Ah Long meningkat. Pinjaman Ah Long ini, paling kurang caj pinjamannya adalah 10% sebulan. Jika syarikat itu besar mungkin dalam 8%. Jadi, siapa yang memantau? Kes lama pun begitu banyak, apalagi kes yang akan datang dalam keadaan sesak ini? Dan yang paling dahsyat sekali apabila kita bercerita tentang riba'. Jika kita berperang dengan Allah dan rasul ini, tidak ke manalah kita. Ini yang perlu dipertimbangkan semula. Balik semula kepada Allah dan agama kita. Itu sahaja harapan kita. Terima kasih.

Lokman Hakiem Bin Abd Samad (moderator) = (1:12:16 – 1:12:30)

Baik. Dengan perkongsian tadi, kita harap para penonton akan mendapat manfaat dan dapat menjalankan kehidupan dengan lebih baik dengan idea-idea yang baru, insyaAllah. Semoga kita semua dapat membendung wabak pandemik ini. Assalamualaikum.